

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1989/90

Oktober/November 1989

RPE 445 Sejarah Perancangan

Masa : (3 Jam)

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT (4) Soalan: DUA daripada Bahagian A dan DUA daripada Bahagian B.

Bahagian A (Jawab DUA soalan)

1. SAMA ADA

- (a) Bandar-bandar Melayu lama (seperti Melaka, Johor Lama, dll.) telah dapat menyelesaikan banyak masalah-masalah perbandaran kerana kesesuaian sistem perancangan yang diamali mereka. Kedatangan penjajah telah merobah semua ini. Kini setelah 32 tahun merdeka, tidakkah boleh perancang-perancang kita merobah semula perancangan bandar kita supaya sesuai dengan konteks tempatan?

Bincangkan.

(25 Markah)

ATAU

- (b) Sistem "Pelan Struktur" telah digubalkan di negara asing tanpa sebarang pertimbangan tentang kesesuaian aplikasinya di Malaysia. Walaupun begitu perancang-perancang kita begitu patuh di dalam pelaksanaan pendekatan ini.

Wajarkah pendekatan sebegini diteruskan, atau perlukah kita memikirkan pendekatan hasil tempatan yang lebih relevan?

Bincangkan.

(25 Markah)

...2/-

2. SAMA ADA

- (a) Daripada berbagai gaya perancangan yang telah di-  
dedahkan di dalam kursus ini, gaya manakah yang  
anda rasakan paling sesuai untuk digunakan sebagai  
pendekatan perancangan di Malaysia hari ini?

Bincangkan.

(Anda boleh mencantumkan aspek-aspek daripada  
beberapa gaya untuk menghasilkan satu pendekatan  
baru.)

(25 Markah)

ATAU

- (b) Sesuaikan perancangan cara E. Howard, Lloyd Wright,  
Le Corbusier dan sebagainya digunapakaikan untuk  
penyelesaian masalah bandar-bandar di Malaysia?

Bincangkan.

(Jika tidak sesuai, apakah alternatifnya?)

(25 Markah)

Bahagian B (Pilih DUA daripada soalan berikut)

3. Apakah yang dimaksudkan dengan "rekabentuk sivik"?  
Dimanakah rekabentuk ini mula digunakan dan apakah  
keistimewaan-keistimewaannya?

(25 Markah)

4. (a) Apakah prinsip-prinsip utama yang menjadi panduan  
di dalam pembangunan bandar-bandar Islam?

- (b) Bagaimanakah prinsip-prinsip ini mempengaruhi reka-  
bentuk sesebuah bandar?

Bincang dengan memberikan contoh-contoh tepat.

(25 Markah)

...3/-

5. SAMA ADA

(a) Apakah yang dimaksudkan dengan "bourg" dan "fabourg"?

Bincangkan pengaruh keduanya di dalam penentuan rupabentuk bandar di zaman mereka terdapat.

(25 Markah)

ATAU

(b) Di antara "rekabentuk organik" dan "rekabentuk formal", yang manakah yang lebih berkesan di dalam menangani masalah-masalah perbandaran yang terdapat ketika itu?

(25 Markah)

-ooo000ooo-